

Harian Metro
20 January 2018



PESERTA teruja untuk memulakan larian.



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmtero.com.my

Seramai 3,000 peserta membanjiri pekarangan Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur bagi memeriahkan larian SHiNE Resolution anjuran Sun Life Malaysia baru-baru ini.

Berkonsepkan resolusi tahun baru, larian ini bertujuan mempromosi dan melancarkan azam tahun baru setiap pelari yang hadir.

Rata-rata peserta yang hadir adalah belia berbilang

LANCAR AZAM TAHUN BARU

3,000 peserta meriahkan larian SHiNE Resolution

kaum dan keterujaan jelas terpancar di wajah mereka yang berkumpul seawal jam 6 pagi.

Selepas melakukan senaman meregangkan otot, peserta bagi kategori 12 kilometer (km) dilepaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Raymond Lew tepat pada jam 6.45 pagi. Acara pelepasan itu dilukut oleh peserta bagi kategori 5km pada jam 7.15 pagi.

Kelainan larian ini adalah di trek larian 5km apabila peserta dikehendaki melalui dua jenis halangan yang

menyeronokkan.

Selain itu, di garisan penamat pula peserta diberi empat pilihan loceng untuk menentukan azam tahun ini sama ada kesihatan, kekayaan, pembangunan diri atau sikap.

Bagaimanapun, tiada halangan disediakan untuk trek larian peserta bagi kategori 12km. Turut disediakan tiga stesen air sepanjang trek larian 12km dan satu stesen air untuk peserta 5km.

Lebih kurang pada jam 8.30 pagi, keseluruhan peserta bagi kedua-dua

kategori tiba di garisan penamat.

Kemeriahan acara larian ini bukan setakat itu saja malah peserta disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik di zon SunSHiNE.

Antara aktiviti yang disediakan ialah permainan papan bersaiz besar mengenai kepentingan perlindungan insurans dan boleh disertai semua peringkat umur.

Manakala gerai SunActiv pula memperkenalkan aplikasi ganjaran mudah alih terbaru Sun Life, cuci gambar Instagram tanpa had dan banyak lagi aktiviti menarik sehingga acara tamat sekitar jam 11 pagi.

Selain itu, Sun Life Malaysia turut menganjurkan sesi cabutan beruah dengan menyediakan hadiah menarik seperti iPhone X, Samsung S5 inci, Playstation 4, GoPro 5 Session dan fon kepala Beats.

Lew berkata, dia sangat menghargai sokongan peserta yang menyertai acara larian ini.

"Tahun ini, jumlah penyertaan meningkat 50 peratus daripada tahun lalu. Samanuan menggalakkan ini selaras dengan misi kami untuk membantu rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas."

"Menerusi larian ini juga peserta boleh berahal kerana 10 peratus daripada

yuran penyertaan akan disalurkan kepada badan HOPE dan Diabetes Malaysia.

"Jumlah sumbangan keseluruhan yang bakal disalurkan kepada kedua-dua badan terbabit adalah RM240,000 hasil sumbangan peserta dan rakan penaja," katanya.

Katanya, dia berharap peserta mengalami keseronokan luar biasa menerusi acara larian ini dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada peserta dan rakan penaja.

"Tanpa anda, acara larian ini tidak mungkin menjadi meriah sebegini. Oleh itu, kami berharap peserta tahun ini akan terus menyokong kami pada tahun hadapan dan seterusnya," katanya.

Pescaria, Nur Amira Dahlah, 24, berkata dia sangat teruja apabila mengetahui larian ini akan dianjurkan lagi tahun ini.

"Ini pengalaman kedua buat saya, namun kali ini saya mengajak tiga lagi rakan untuk bersama-sama berlari ke garisan penamat.

"Saya mahu menyertainya lagi dan berharap pihak pengajar akan memperbanyakkan aktiviti sampingan yang menarik," katanya.

Acara larian ini turut mendapat kerjasama daripada rakan penaja seperti Score, New Balance, Quill City Mall, Revive dan Grab.



ACARA pelepasan peserta oleh Lew (kiri).